

SOALAN NO. 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIVARASA A/L K.
RASIAH [SUBANG]**

TARIKH : 5 APRIL 2017

SOALAN :

YB Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa Suruhanjaya Pilihan Raya tidak mencadangkan persempadanan semula kepada N33 Paya Terubong dan N23 Air Putih di Pulau Pinang yang bersebelahan sungguhpun jumlah pengundi N33 (41,707) adalah 3.27 kali jumlah pengundi N23 (12,752).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu yang sedang dilaksanakan kini adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:-

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran

- perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (d) Memelihara hubungan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, urusan kajian semula persempadanan bagi Negeri Pulau Pinang kini sedang dilaksanakan melalui unit kajian Negeri-Negeri Tanah Melayu. Kajian ini masih belum selesai dan satu kes berkaitan isu ini di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah pun selesai diputuskan pada 13 Mac 2017 yang berpihak kepada SPR. Pihak SPR masih menunggu sama ada rayuan akan difailkan memandangkan tempoh masa untuk memfailkan rayuan adalah sehingga 12 April 2017. Laporan akhir persempadanan akan dimuktamadkan bagi pembentangan dan kelulusan Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.